

Asean tidak wajar sertai perang: PM

BH 3 OCT 2001

Oleh Kadir Dikoh dan Salina Abdullah

KUALA LUMPUR, Selasa – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpendapat Asean tidak harus turut serta dalam peperangan, jika Amerika Syarikat mengambil keputusan menyerang Afghanistan kerana ia boleh mengusutkan lagi keadaan.

Perdana Menteri berkata, Asean sepatutnya kekal sebagai kuasa sederhana yang tidak mahu melihat peperangan, kerana akibatnya adalah buruk, yang pasti akan menyaksikan ramai orang tidak berdos, menjadi mangsa.

“Jika kita (Asean) turut serta dalam peperangan, maka kita akan hanya membantu mengusutkan lagi masalah. Ini kerana peperangan habis-habisan adalah satu penyelesaian yang silap, kerana ramai orang yang tidak bersalah akan terbunuh.

“Di Afghanistan, anda mungkin tidak suka Kerajaan Taliban, tetapi orang Afghanistan sendiri mungkin tidak suka Taliban, tetapi mereka tidak ada jalan lain untuk menjatuhkan kerajaan.

“Dalam perang, mereka yang tidak sukakan Taliban juga akan terbunuh. Oleh itu, adalah tidak adil untuk mengadakan peperangan secara besar-besaran,” katanya dalam program In Conversation yang disiarkan TV3, malam ini.

Program itu diterbitkan bersama Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3), ITV Thailand (ITV), RCTI Indonesia (RCTI) dan ABS-CBN Filipina (ABS-CBN).

Program sejam bagi episod pertama itu dianggar-

kan disaksikan kira-kira 300 juta penonton di empat negara itu.

Ini adalah kali pertama dalam sejarah penyiaran di Asia Tenggara, empat stesen penyiaran negara anggota bergabung menerbitkan sesuatu rancangan televisyen.

Ia dihoskan Pengurus Besar Kanan Divisyen Berita dan Ehwat Semasa TV3, Datuk Chamil Wariya; Pengarang Berita Luar Negara ITV Thailand, Chib Jitniyom; Penerbit Berita RCTI, Roy Tindage dan Ketua Koresponden dan penyampai berita ABS-CBN, Korina Sanchez.

Dr Mahathir berkata, tindakan antarabangsa terhadap sesuatu negara sepatutnya diusahakan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan bukan sebuah negara.

Bagaimanapun, katanya, agak malang apabila ada pihak memintas (tanggungjawab) PBB dan ini berlaku, terutama dengan kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan adakalanya Eropah.

Berikutan itu, beliau berkata, keputusan yang dibuat sebenarnya tidak menggambarkan kepentingan dunia.

“Dunia, khususnya Amerika Syarikat perlu melihat punca mengapa serangan dilakukan ke atas Pusat Dagangan Dunia (WTC) New York dan Washington serta menangani puncanya yang menyebabkan orang tertentu bertindak sedemikian rupa,” katanya.

Perdana Menteri berkata, dalam usaha memera-

“Jika Asean turut serta dalam peperangan, maka kita akan hanya membantu mengusutkan lagi masalah. Ini kerana peperangan habis-habisan adalah satu penyelesaian yang silap, kerana ramai orang yang tidak bersalah akan terbunuh”

– Dr Mahathir Mohamad

yang tidak bersalah tidak harus dibunuh.

“Seperti juga kita menuduh pengganas membunuh orang yang tidak bersalah, angkatan antipengganas tidak seharusnya membunuh orang yang tidak bersalah dalam proses memburu pengganas itu.

“Apabila masa berlalu, kemarahan Amerika akan berkurangan dan ketika itu, mereka akan mula berfikir secara rasional mengenai apa yang sebenarnya perlu dilakukan.

“Apabila itu berlaku, tindakan yang akan diambil oleh Amerika akan lebih membina,” katanya.

Dr Mahathir berkata, agak malang (daripada tragedi itu) ialah hakikat bahawa pengganas ini adalah orang Islam.

“Memang ada keganasan di Jepun seperti di kumpulan Aum Shirikyo dan yang lain seperti pengganas Hindu dan Yahudi. Tetapi dalam kes ini, kebetulan pengganas muslim. Mungkin mereka yang takut tidak dapat untuk membezakan pengganas daripada orang Is-

lam biasa.

“Apa yang berlaku sekarang ialah pengembara Islam diasing dan disoal siasat. Siapa saja yang Islam (dilihat) berpotensi sebagai pengganas. Sudah tentu akhirnya, ia menjadi satu serangan terhadap umat Islam atau syak wasangka terhadap umat Islam. Tetapi pada masa sama, ada pengganas yang bukan Islam, atau mungkin orang Kristian,” katanya.

Dr Mahathir berkata, Sidang Kemuncak Asean yang dijadual di Brunei bulan depan dijangka akan turut membincangkan apa yang berlaku di Amerika Syarikat, kerana Asean adalah blok dagangan dengan kuasa besar itu.

“Kemakmuran kita (Asean) bergantung kepada dagangan dan apabila pasaran terjejas, maka kita akan sengsara. Oleh itu, kita akan bincang bagi mencari jalan menangani permasalahan itu dan meletakkan pelan baru, alternatif yang akan membantu memulihkan ekonomi,” katanya.